

01 AUG 2002

Rafidah-Forum/I

RAFIDAH AZIZ CERIAKAN FORUM PERNIAGAAN DI SINGAPURA

SINGAPURA, 1 Ogos (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berjaya menceriaikan satu forum perniagaan yang diadakan di republik ini hari ini.

Berucap pada seminar yang bertajuk "Meningkatkan Kerjasama Perniagaan Malaysia-Singapura" di sebuah hotel terkemuka di sini, Rafidah telah mencuit hati para hadirin yang kebanyakannya daripada kalangan ahli perniagaan republik itu, walaupun menjawab soalan sensitif mengenai kedua-dua negara.

Mengenai sensitiviti hubungan itu, beliau menasihatkan ahli perniagaan Singapura agar: "Teruskan perniagaan anda seperti biasa."

"Sensitiviti sering wujud dan memang dijangkakan dalam hubungan sesama negara jiran, tetapi para pemimpin kita sentiasa matang dan bijak menyelesaikan segala isu melalui rundingan," katanya dalam sesi soal jawab.

Sebelum itu Rafidah berkata, walaupun terdapat laporan tentang perbezaan jelas politik antara Malaysia dan Singapura, yang pasti hubungan ekonomi Malaysia dan Singapura saling berkait rapat dan kedua-dua negara telah mendapat manfaat daripada hubungan rapat itu.

"Sebaik jiran dekat, boleh wujud perbezaan tentang pelbagai isu dari semasa ke semasa. Ini bagaimanapun tidak pernah dan tidak sepatutnya menjejaskan pembangunan kerjasama erat perniagaan antara sektor swasta kedua-dua negara," tegas beliau.

Melihat ke masa depan, Rafidah berkata golongan peniaga kedua-dua negara perlu meneroka peluang perniagaan yang wujud di pasaran ASEAN yang memiliki 530 juta penduduk, terutama menerusi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN.

Mengenai sama ada beliau akan terus berkhidmat selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambi keputusan bersara tahun depan dan sama ada beliau akan terus berada di kementerian itu, Rafidah berkata dia tidak dapat menentukan masa depannya kerana "manusia hanya merancang, tetapi Tuhan yang menentukan."

Namun beliau memberi jaminan bahawa sistemnya telah pun tersedia.

Mengenai salah tanggapan bahawa Malaysia tidak suka dengan keputusan Singapura menandatangani Peraturan Perdagangan Bebas (FTAs) dengan beberapa negara di luar ASEAN, Rafidah berkata soal "tidak suka" tidak timbul.

Singapura katanya bebas untuk melakukan FTAs yang berasing dengan sebarang negara lain, selagi "ia memberi akses tarif yang sama kepada lain-lain negara anggota ASEAN.

-- BERNAMA

SS HM